

**Bahagian A: (5 markah)**

*Beri perkataan seerti atau seiras bagi perkataan yang bergaris bawah dalam tiap-tiap butiran berikut. Pilih jawapan yang betul.*

1. Cikgu Munah mendidik saya sejak saya di dalam darjah satu.

memerintah  
memaksa  
mendenda  
mengajar

2. Bapa Murni ialah seorang doktor.

askar  
guru  
tabib  
pencuri

3. Adik hitung wang simpanannya di dalam tabung.

kira  
buang  
kumpul  
ambil

4. Budak lelaki itu gali lubang dengan tangannya.

tanam  
sumbat  
korek  
tebuk

5. Baju Salim kotor-bolor.

Kain  
Kemeja  
Seluar  
Stokin

**Bahagian B: (5 markah)**

*Beri perkataan berlawanan atau berpasang bagi perkataan yang bergaris bawah dalam tiap-tiap butiran berikut. Tuliskan jawapan*

*kamu di dalam kotak kosong yang disediakan.*

1. Kawan pena saya tinggal di sebelah barat.
2. Hidung Hashimah sangat mancung.
3. Raja di negeri itu sangat adil.
4. Anak bongsu Mak Limah sangat manja.
5. Kapal itu tenggelam di tengah laut.

**Bahagian C: (5 markah)**

*Pilih perkataan berimbuan yang sesuai bagi setiap butiran di bawah ini.*

1. Rozita sedang ( terbaca membaca dibaca bacaan ) suratkhobar.
2. Emak sedang ( tersapu mensapu menyapu penyapu ) lantai.
3. Abang gemar ( dengarkan terdengar mendengar mendengar ) radio.
4. Abu bercita-cita untuk menjadi seorang ( menyanyi nyanyian ternyanyi penyanyi ) yang terkenal.
5. Kaki Adi luka kerana ( memijakkan pijakkan terpijak dipijak ) kaca.

**Bahagian D: (5 markah)**

*Bubuhkan kata ganda yang sesuai ke dalam tempat kosong di bawah ini. Gunakan setiap perkataan hanya sekali sahaja.*

lauk-

rajin-

koleh-koleh	kelap-kelip
sempit-sempit	mata-mata
bersungguh-sungguh	gelap-gelita

1. Adik suka melihat lampu .
2. Normah belajar dengan  untuk lulus periksa.
3. Jangan berjalan di tempat yang  pada waktu malam.
4. Bapa Hassan ialah seorang .
5. Ibu pandai masak berbagai jenis .

**Bahagian E: (10 markah)**

*Susun semula perkataan-perkataan atau frasa-frasa di bawah ini supaya menjadi ayat-ayat yang sempurna.*

1. bohong / dimarahi / Abu / ibunya / oleh / kerana bercakap
2. saya / rumah / pencuri / jiran / dimasuki / telah
3. itu / ke lantai / apabila / berkecai / terjatuh / pasu kaca
4. hangus / tinggi / api / bangunan / itu / dijilat
5. pencuri / berjaya / ganas / menangkap / pihak polis telah / yang / itu

**Bahagian F: (10 markah)**

*Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya. Tulis jawapan kamu di dalam ruangan yang disediakan.*

Di Singapura, kita dapat menyaksikan berbagai perayaan kaum kerana penduduknya berbilang bangsa dan agama. Di samping menikmati hari-hari cuti sempena perayaan-perayaan itu, kita dapat mempelajari adat dan kebudayaan sesuatu bangsa itu.

Tahun Baru Cina sangat penting bagi orang-orang Cina. Pada petang menjelang Tahun Baru, setiap ahli keluarga yang tinggal berjauhan akan pulang untuk menghadiri majlis makan sekeluarga. Di bahagian atas muka pintu rumah mereka dihiasi dengan kain rentang merah. Warna merah dipilih kerana ia melambangkan nasib yang baik.

Bagi penganut agama Hindu pula, perayaan Deepavali merupakan perayaan menyambut kemenangan menentang kezaliman. Lampu-lampu dipasang melambangkan sinar hidup yang lebih cerah bagi menghapuskan kegelapan.

Orang-orang Islam pula menyambut Hari Raya Aidilfitri setelah berpuasa selama sebulan. Hari Raya Aidilfitri melambangkan kejayaan seseorang itu kerana telah berjaya mendidik diri menentang hawa nafsu.

**Kefahaman**

1. Mengapakah terdapat berbagai perayaan kaum di Singapura?

2. Mengapakah warna merah menjadi pilihan orang-orang Cina?

3. Apakah perayaan yang disambut oleh penganut-penganut Hindu?

4. Apakah yang dirayakan oleh orang-orang Islam selepas berpuasa?

5. Apakah pelajaran yang dapat diraih daripada ibadat puasa?